



GILIRAN BERTUTUR DALAM BUAL BICARA RADIO TEMPATAN

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH

FBMK 2020 46



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

GILIRAN BERTUTUR DALAM BUAL BICARA RADIO TEMPATAN

Oleh

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2020

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Buat insan yang sentiasa bersama dikala susah dan senang,
Kesabaranmu membatasi segala-galanya.

Buat insan yang berkorban seluruh jiwa dan raga,
Doamu mengiringi setiap langkah perjuangan ini.

Buat insan yang sentiasa dibasahi keringat,
Jerit payahmu menjadikan aku, insan mengerti makna mensyukuri.

Buat insan sepermainan semenjak kecil,
Dikau jua memikul sama perjuangan ini.

Buat insan yang memerhati penuh makna,
Moga ini jua menjadi cita-cita buatmu suatu hari nanti.

Buat anak kecilku,
Perjuangan ini menemani semenjak dalam rahim,
selesai jua akhirnya.

Mohd Daud bin Ibrahim
Nik Rossilawati binti Nik Cob
Che Soh bin Che Abdullah
Noor Afiqah binti Che Soh
Noor Anis Adilla binti Che Soh
Muhammad Nuh Adam bin Mohd Daud

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

GILIRAN BERTUTUR DALAM BUAL BICARA RADIO TEMPATAN

Oleh

NURAMIRAH BINTI CHE SOH

Januari 2020

Pengerusi : Profesor Madya Ahmad Mahmood Musanif, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian giliran bertutur dalam bual bicara radio tempatan dilakukan bertujuan untuk membincangkan ambilan giliran bertutur yang berlaku di antara peserta perbualan. Perbualan disifatkan sebagai wacana yang tidak terancang kerana berlaku secara spontan tanpa adanya teks ataupun skrip. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kajian wacana perbualan dalam radio ini berlaku secara semula jadi. Namun demikian, perbualan dalam bual bicara radio yang berlaku secara semula jadi ini sering kali berlakunya celahan, pertindanan dan gangguan semasa berbicara yang perlu dititikberatkan kerana perbualan dalam media elektronik mudah menjadi tatapan umum. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini ialah mengenal pasti giliran bertutur dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji, menjelaskan aspek pengambilan giliran berdasarkan sistem kesopanan dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji dan menganalisis pola pengambilan giliran bertutur dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji. Dalam kajian ini, sebanyak enam rakaman perbualan radio segmen *Usrah Nurani, Destinasi* yang disiarkan menerusi radio IKIMfm. Keenam-enam data perbualan ini akan ditranskripsi dengan menggunakan *Glossary of Transcript Symbols with an Introduction* oleh Jefferson (2004) dan dianalisis berdasarkan analisis kandungan teks dengan menggunakan Teori Pengambilan Giliran Liddicoat (2011) dan Sistem Kesopanan Scollon, Scollon dan Jones (2012). Aspek giliran bertutur yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur semasa dan penutur semasa meneruskan perbualan. Manakala sistem kesopanan yang akan dihuraikan dalam kajian ini ialah Sistem Kesopanan Penghormatan, Sistem Kesopanan Kebersamaan dan Sistem Kesopanan Hierarki. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga giliran bertutur berlaku dalam bual bicara radio begitu juga dengan ketiga-tiga sistem kesopanan tersebut. Oleh itu, kajian bual bicara radio ini menunjukkan kepentingan untuk mematuhi giliran bertutur dalam perbualan bukan sahaja khusus kepada peserta bual bicara malah kepada masyarakat secara umumnya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

TURN-TAKING IN LOCAL RADIO TALKS

By

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH

January 2020

Chairman : Associate Professor Ahmad Mahmood Musanif, PhD
Faculty : Modern Language and Communication.

This study of radio talks examines the turn-taking that happens between participants of a conversation. The conversation is an unplanned discourse as it happens spontaneously without text or script. This shows that conversations in radio talk happen naturally. However, conversations in radio talks that occur naturally will create insertions, overlapping and interruptions should be emphasized because conversations in media electronic are easily accessible to the public. Hence, the objectives of this study are to identify turn-taking in radio talk, explain the conversation in radio talk according to politeness system and analyze the pattern of turn-taking in conversation. In this study, six recordings of the segment *Usrah Nurani, Destinasi* through IKIMfm will be analyzed. Six recordings of conversations are transcribed using the Transcript Symbols with an Introduction by Jefferson (2004) and analyzed based on the analysis method of textual content using the Turn-Taking Theory by Liddicoat (2011) and Politeness System by Scollon, Scollon and Jones (2012). The turn-taking aspects that are discussed in this study are current speaker selecting the next speaker, self-selected participants as a current speaker and current speaker continuing the conversation. Meanwhile, the politeness system are Deference Politeness System, Solidarity Politeness System and Hierarchical Politeness System. The explanations will be supported with the data of turn-taking by each participant in conversation. The findings show the turn-taking aspects occur in radio talks as well as politeness systems. Therefore, this study shows the importance of turn-taking in conversation not only specifically to the participants but also to the general public.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang,
Selawat dan salam ke atas junjungan mulia, Rasulullah S.A.W,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana memudahkan urusan ini.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif, Prof. Madya Dr. Roslina Mamat, Prof. Madya Dr. Norazlina Mohd Kiram yang banyak membantu dalam penyempurnaan penulisan ini. Segala ilmu yang dicurahkan akan disemat di dada sebagai panduan di kemudian hari. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa kalian.

Ucapan penghargaan juga buat pengarah pusat media, radio IKIMfm., Dr. Nik Roskiman Abdul Samad dan penyampai radio, Puan Norhayati Paradi dan Puan Maslina Alias yang banyak membantu dalam pengumpulan data kajian. Selain itu, tidak lupa juga buat Puan Roziana Roslan yang menjadi pemudah bicara dalam memastikan jadual janji temu sentiasa menepati waktu dan ketikanya.

Buat keluarga tercinta dan sahabat perjuangan, penulisan ini adalah satu perjuangan yang masih perlu diteruskan yang akhirnya diharapkan agar menjadi manfaat yang baik buat semua.

Semoga Allah SWT memberkati ilmu yang terpahat di sini dan amalan ini moga diterima.

Segala jasa dan pengorbanan kalian, amat saya hargai.

Terima Kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roslina Mamat, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norazlina Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untukijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No.Matrik: Nur Amirah Binti Che Soh, GS42809

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Ahmad Mahmood bin Musanif

Penyeliaan:

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Roslina binti Mamat

Penyeliaan:

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Norazlina binti Haji Mohd. Kiram

Penyeliaan:

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	2
1.4 Soalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.6.1 Masyarakat	4
1.6.2 Penyelidik	5
1.6.3 Penerbit Rancangan dan Penyampai Radio	5
1.6.4 Peserta Perbualan	5
1.7 Batasan Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	7
1.8.1 Giliran Bertutur	7
1.8.2 Bual Bicara Radio	8
1.9 Kesimpulan	9
2 SOROTAN LITERATUR	10
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian tentang Bual Bicara	10
2.3 Kajian tentang Bual Bicara Radio	27
2.4 Jurang Penyelidikan	37
2.5 Kesimpulan	38
3 METODOLOGI	39
3.1 Pengenalan	39
3.2 Reka Bentuk Kajian	39
3.3 Kaedah Kajian	40
3.3.1 Sampel	41
3.3.1.1 IKIMfm	41
3.3.1.2 Peserta Perbualan	42
3.3.2 Bahan	46

	3.3.3	Prosedur	47
	3.3.4	Kerangka Teori	48
		3.3.4.1 Teori Pengambilan Giliran	48
		3.3.4.2 Sistem Kesopanan	55
	3.3.5	Penganalisan Data	61
	3.4	Kerangka Konseptual	66
	3.5	Kesimpulan	67
4		KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	68
	4.1	Pengenalan	68
	4.2	Giliran Bertutur dalam Bual Bicara Radio Tempatan	68
		4.2.1 Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya	68
		4.2.1.1 Menamakan Penutur Berikutnya	70
		4.2.1.2 Tanpa Menamakan Penutur Berikutnya	82
		4.2.1.3 Ambilan Giliran	90
		4.2.1.4 Celahan Menyokong	102
		4.2.2 Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya	108
		4.2.2.1 Ambilan Giliran	108
		4.2.2.1 Celahan Menyokong	120
		4.2.3 Penutur Semasa Meneruskan Perbualan	130
		4.2.3.1 Ambilan Giliran	131
		4.2.4 Rumusan	137
	4.3	Aspek Pengambilan Giliran Berdasarkan Sistem Kesopanan dalam Bual Bicara Radio Tempatan	139
		4.3.1 Sistem Kesopanan Penghormatan	139
		4.3.2 Sistem Kesopanan Kebersamaan	144
		4.3.3 Sistem Kesopanan Hierarki	151
		4.3.4 Rumusan	160
	4.4	Pola Pengambilan Giliran Bertutur dalam Bual Bicara Radio Tempatan	162
		4.4.1 <i>Keajaiban Berlapar</i>	163
		4.4.2 <i>Ramadan Makbulan</i>	164
		4.4.3 <i>Kemuliaan Ilmu</i>	165
		4.4.4 <i>Keajaiban Infak</i>	167
		4.4.5 <i>Keajaiban Berdoa</i>	168
		4.4.6 <i>Penghayatan Korban</i>	170
		4.4.7 <i>Segmen Usrah Nurani</i>	171
		4.4.8 Rumusan	173
	4.5	Kesimpulan	174
5		KESIMPULAN	176
	5.1	Pengenalan	176
	5.2	Rumusan	176
	5.3	Implikasi	178
		5.3.1 Masyarakat	178
		5.3.2 Penyelidik	178
		5.3.3 Penerbit Rancangan dan Penyampai Radio	178
		5.3.4 Peserta Perbualan	179

5.4	Kebaharuan	179
5.5	Cadangan	179
	5.5.1 Pengambilan Giliran dalam Bual Bicara Radio	179
	5.5.2 Ciri-Ciri Perbualan dalam Bual Bicara Radio	180
	5.5.3 Sistem Kesopanan dalam Bual Bicara Radio	180
5.6	Penutup	180

BIBLIOGRAFI	181
LAMPIRAN	191
BIODATA PELAJAR	341



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Peserta Perbualan Segmen <i>Usrah Nurani</i>	46
3.2	Sistem Kesopanan Scollon, Scollon dan Rodney (2012)	55
3.3	Simbol Transkripsi Data Perbualan Segmen <i>Usrah Nurani</i>	61
4.1	Jumlah Keseluruhan Ambilan Giliran Bertutur Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya.	69
4.2	Jumlah Peserta Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Menamakan Peserta Berikutnya Segmen <i>Usrah Nurani</i> .	71
4.3	Data Perbualan Peserta Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani</i> .	72
4.4	Data Perbualan Peserta Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani</i> .	74
4.5	Data Perbualan Peserta Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani</i> .	76
4.6	Data Perbualan Peserta Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Keajaiban Infak, Usrah Nurani</i> .	77
4.7	Data Perbualan Peserta Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani</i> .	78
4.8	Data Perbualan Peserta Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani</i> .	80
4.9	Jumlah Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Tanpa Menamakan Penutur Berikutnya Segmen <i>Usrah Nurani</i> .	82
4.10	Data Perbualan Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Tanpa Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani</i> .	84
4.11	Data Perbualan Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Tanpa	86

	Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani</i> ,.	
4.12	Data Perbualan Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Tanpa Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani</i> .	87
4.13	Data Perbualan Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Tanpa Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Keajaiban Infak, Usrah Nurani</i> .	88
4.14	Data Perbualan Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Tanpa Menamakan Penutur Berikutnya Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani</i> ,.	89
4.15	Jumlah Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa Segmen <i>Usrah Nurani</i> .	91
4.16	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani</i> .	93
4.17	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani</i> .	94
4.18	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani</i>	95
4.19	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa Slot <i>Keajaiban Infak, Usrah Nurani</i> .	97
4.20	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani</i> .	99
4.21	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani</i> .	100
4.22	Jumlah Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa dengan Celahan Menyokong Segmen <i>Usrah Nurani</i> .	102
4.23	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani</i> .	104
4.24	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani</i> .	105
4.25	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa	105

	dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani.</i>	
4.26	Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani.</i>	107
4.27	Jumlah Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Ambilan Giliran Segmen <i>Usrah Nurani.</i>	108
4.28	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani.</i>	110
4.29	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani.</i>	112
4.30	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani.</i>	113
4.31	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Keajaiban Infak, Usrah Nurani.</i>	115
4.32	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani.</i>	117
4.33	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani.</i>	118
4.34	Jumlah Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Celahan Menyokong Segmen <i>Usrah Nurani.</i>	121
4.35	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Usrah Nurani, Keajaiban Berlapar.</i>	122
4.36	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani.</i>	124
4.37	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani.</i>	125
4.38	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Keajaiban Infak, Usrah Nurani.</i>	126

4.39	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani.</i>	128
4.40	Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Celahan Menyokong Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani.</i>	129
4.41	Jumlah Penutur Semasa Meneruskan Perbualan dengan Cara Ambilan Giliran Segmen <i>Usrah Nurani.</i>	131
4.42	Data Perbualan Penutur Semasa Meneruskan Perbualan dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani.</i>	132
4.43	Data Perbualan Penutur Semasa Meneruskan Perbualan dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani.</i>	133
4.44	Data Perbualan Penutur Semasa Meneruskan Perbualan dengan Cara Ambilan Giliran Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani.</i>	136
4.45	Data Perbualan Sistem Kesopanan Penghormatan	140
4.46	Data Perbualan Sistem Kesopanan Kebersamaan	147
4.47	Data Perbualan Sistem Kesopanan Hierarki	152
4.48	Pola Pengambilan Giliran Bertutur Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani.</i>	163
4.49	Pola Pengambilan Giliran Bertutur Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani.</i>	164
4.50	Pola Pengambilan Giliran Bertutur Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani.</i>	166
4.51	Pola Pengambilan Giliran Bertutur Slot <i>Keajaiban Infak, Usrah Nurani.</i>	167
4.52	Pola Pengambilan Giliran Bertutur Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani.</i>	169
4.53	Pola Pengambilan Giliran Bertutur Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani.</i>	170
4.54	Jumlah Keseluruhan Ambilan Giliran Bertutur Peserta Perbualan Segmen <i>Usrah Nurani.</i>	172
4.55	Jumlah Keseluruhan Giliran Bertutur Bual Bicara Radio Segmen <i>Usrah Nurani.</i>	173

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Kerangka Teori	48
3.2	Ciri Sistem Kesopanan Penghormatan	56
3.3	Ciri Sistem Kesopanan Kebersamaan	57
3.4	Ciri Sistem Kesopanan Hierarki	58
3.5	Aliran Proses Mentranskripsi Data Bual Bicara Segmen <i>Usrah Nurani</i> .	63
3.6	Struktur Perbualan Segmen <i>Usrah Nurani</i> .	64
3.7	Kerangka Konseptual	66
4.1	Kategori Celahan Segmen <i>Usrah Nurani</i> .	120
4.2	Ciri Sistem Kesopanan Penghormatan Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani</i> .	142
4.3	Ciri Sistem Kesopanan Penghormatan Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani</i> .	143
4.4	Ciri Sistem Kesopanan Penghormatan Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani</i> .	143
4.5	Ciri Sistem Kesopanan Kebersamaan Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani</i> .	148
4.6	Ciri Sistem Kesopanan Kebersamaan Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani</i> .	149
4.7	Ciri Sistem Kesopanan Kebersamaan Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani</i> .	150
4.8	Ciri Sistem Kesopanan Kebersamaan Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani</i> .	151
4.9	Ciri Sistem Kesopanan Hierarki Slot <i>Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani</i> .	154
4.10	Ciri Sistem Kesopanan Hierarki Slot <i>Ramadan Makbulan, Usrah Nurani</i> .	155
4.11	Ciri Sistem Kesopanan Hierarki Slot <i>Kemuliaan Ilmu, Usrah Nurani</i> .	157
4.12	Ciri Sistem Kesopanan Hierarki Slot <i>Keajaiban Infak, Usrah Nurani</i> .	157
4.13	Ciri Sistem Kesopanan Hierarki Slot <i>Keajaiban Berdoa, Usrah Nurani</i> .	159
4.14	Ciri Sistem Kesopanan Hierarki Slot <i>Penghayatan Korban, Usrah Nurani</i> .	160

SENARAI SINGKATAN

TPR	Tempat peralihan relevan
UPG	Unit pengambilan giliran
DJS	Penyampai radio Siti Rohani Surani
DJM	Penyampai radio Maslina Ilias
DJN	Penyampai radio Nik Hasnah Ismail
UZ	Ustaz Zulramli M.Razali
N	Noor Neelofa
K	Noor Khiriah Ahmad Syafie
NA	Nurul Azwin
WR	Wan Roslili Abdul Majid
NF	Nina Fazurina
A	Suriati Abu Bakar
DNR	Nik Ruskiman Abdul Samad
ER	Encik Rifdi
SM	Sharizal Mashur
MHM	Muhammad Hafiz Mansor

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bual bicara radio merupakan program yang memaparkan giliran bertutur dalam perbualan secara santai tanpa berpandukan skrip atau teks. Setiap program bual bicara radio mempunyai tanya-jawab yang tidak dapat dipisahkan malah menjadi keutamaan dalam memastikan program tersebut sempurna. Pengacara radio serta tetamu yang dijemput merupakan peserta perbualan dalam bual bicara radio yang mempunyai peranan masing-masing dalam menjayakan sebuah slot bual bicara. Giliran bertutur dalam bual bicara radio pula lebih dikenali sebagai pengambilan giliran sememangnya berlaku dalam mana-mana perbualan. Walaupun perbualan merupakan lakuan bahasa secara spontan, namun terdapat seakan aturan yang dipatuhi oleh peserta perbualan dan menyebabkan proses tanya-jawab berjalan dengan lancar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan bual bicara radio dari sudut wacana sub-analisis perbualan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Analisis Wacana atau *discourse analysis* merupakan satu bidang kajian yang meliputi keseluruhan aspek bahasa, budaya dan makna yang mengikutinya. Menurut Johnstone pula, (2018) kajian analisis wacana ini sebenarnya menjurus pada struktur atau peraturan lakuan komunikasi yang berlaku dalam kehidupan seharian. Skop kajian wacana boleh bermula dengan satu ungkapan sehinggalah sebuah teks lengkap. Terdapat pelbagai pengertian wacana yang telah dijelaskan oleh sarjana Barat dan juga tempatan. Kajian analisis wacana dimulakan oleh sarjana Barat dan wacana merupakan unit linguistik yang lebih besar daripada klausa atau ayat yang mempunyai suatu idea yang jelas dan teratur (Idris Aman & Kamila Ghazali, 2016). Setelah teretusnya kajian analisis wacana berdasarkan teks, kajian wacana mula berkembang sehinggalah para pengkaji menggunakan data perbualan lisan sebagai bahan perbincangan. Wacana melibatkan penutur dengan pendengar (wacana lisan) atau penulis dengan pembaca (wacana tulisan). Kajian analisis wacana boleh dibahagikan pada bentuk lisan dan tulisan dan kajian wacana secara tulisan boleh terdapat dalam bentuk teks manakala kajian wacana bentuk lisan boleh didapati dalam bentuk perbualan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Normaliza Abd Rahim (2019), iaitu analisis wacana adalah untuk mengkaji unit linguistik yang lebih besar, misalnya perbualan atau teks bertulis.

Analisis perbualan atau *conversation analysis* (CA) merupakan subbidang kajian analisis wacana yang membincangkan lakuan bahasa yang berlaku dalam masyarakat. Malah Rauf (2017) menyifatkan analisis percakapan bertujuan merumuskan pola-pola, unit dan kaedah-kaedah dalam percakapan. Kajian analisis perbualan lebih tertumpu pada ujaran berbentuk lisan berbanding analisis wacana yang lebih menyeluruh. Bermula sekitar tahun 1990an, kajian analisis perbualan

dimulakan oleh pengkaji dari Barat seterusnya mendapat perhatian oleh pengkaji tempatan. Kajian perbualan menggunakan data perbualan lisan seperti perbualan dalam bilik darjah, perbualan antara pelancong, perbualan semasa jual beli, perbualan telefon sehinggalah pada bual bicara menerusi televisyen dan juga radio. Pelbagai kajian analisis perbualan yang telah dilakukan dengan menggunakan tumpuan yang berbeza misalnya dari segi ambilan giliran, kesantunan, struktur perbualan, strategi komunikasi dan ciri perbualan. Menurut Clift (2016) kajian analisis perbualan meneroka dua perkara, iaitu aksi dan juga urutan. Urutan dalam kajian analisis perbualan merujuk pada pengambilan giliran atau *turn taking*.

Giliran bertutur atau pengambilan giliran yang dimaksudkan ialah urutan giliran peserta perbualan semasa bual bicara sedang berlangsung. Kajian pengambilan giliran ini juga menumpukan pada peraturan dalam perbualan dan juga ciri-ciri perbualan. Pengambilan giliran atau lebih dikenali sebagai *turn-taking* merupakan satu set peraturan yang dipelopori oleh Sacks, Schegloff & Jefferson pada tahun 1974 yang akhirnya menjadi pencetus pada beberapa kajian lain. Peraturan dalam pengambilan giliran amatlah penting kerana perbualan merupakan lakuan bahasa yang berlaku dalam kehidupan seharian dan setiap pengguna bahasa haruslah mempunyai ilmu pengetahuan mengenai pengambilan giliran agar perbualan berjalan dengan lancar. Bahkan ambilan giliran ini bukan sahaja semata-mata untuk memastikan kelancaran dalam perbualan tetapi turut mempengaruhi budaya masyarakat bahasa yang menuturkannya. Menurut Lynch & Kidd (2016), pengetahuan tentang pengambilan giliran ini perlu didedahkan seawal mungkin bagi mewujudkan kefahaman tentang peraturan pengambilan giliran yang akan mendorong pada perilaku yang baik. Perilaku yang baik dalam erti kata lain mengikut budaya masyarakat Melayu ialah kesantunan dalam berbicara seperti mana yang dinyatakan oleh Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan & Suhaila Zalani (2019) dalam budaya masyarakat Melayu, amalan untuk bertutur kata santun ini sudah menjadi amalan sejak dari dulu lagi.

1.3 Penyataan Masalah

Dewi, Badrul & Chang (2018) telah mengkaji strategi komunikasi dalam program siaran interaktif, namun perbincangan lebih menjurus pada elemen-elemen asas dalam penerbitan sesebuah rancangan dalam radio. Kajian beliau lebih menjurus pada strategi yang digunakan oleh penerbit dan pengacara radio dalam menjayakan sebuah program bual bicara. Manakala Nuri & Waode (2017) telah mengkaji pengambilan giliran dalam bual bicara radio. Walau bagaimanapun, tumpuan kajian hanyalah terhadap ketiga-tiga sistem pengambilan giliran dan pengkaji hanya menghuraikan setiap sistem yang terlibat tanpa menyentuh ciri perbualan seperti celahan, pertindihan, pasangan berdampingan, maklum balas minimal dan gangguan. Seterusnya, kajian oleh Nur Adiba Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017) menumpukan pada aspek kata terbitan dalam bual bicara radio. Walaupun data yang digunakan ialah bual bicara radio, namun tumpuan kajian hanyalah terhadap bidang lain, iaitu fonetik dan tatabahasa. Ketiga-tiga kajian ini, masih belum menjelaskan aspek pengambilan giliran secara menyeluruh dengan mengambil kira ciri perbualan dalam bual bicara radio seperti celahan, maklum balas

minimal, pertindihan, gangguan dan pasangan berdampingan. Oleh itu, objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji. Selaras dengan kenyataan Arina Johari & Indrawati Zahid (2016b) bahawa kajian bual bicara radio sebelum ini lebih tertumpu pada aspek analisis perbualan dan implikatur ujaran peserta perbualan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kajian analisis perbualan yang menjurus pada giliran bertutur masih belum menjadi tumpuan.

Indrawati Zahid & Arina Johari (2018) telah membincangkan aspek kesantunan dalam tanya-jawab yang berlaku menerusi program bual bicara di IKIMfm. Namun, aspek kesantunan Melayu dalam kajian ini hanya tertumpu pada konteks dialog yang diujarkan oleh peserta perbualan. Penghuraian juga menjurus hanya pada penggunaan perkataan oleh peserta perbualan. Kajian lain oleh Arina Johari & Indrawati Zahid (2016a) juga menggunakan program bual bicara yang sama menghuraikan aspek kesantunan dalam ujaran memberi dan menerima nasihat. Tumpuan data perbualan dalam kajian ini hanya pada perbualan yang merangkumi ujaran memberi dan menerima nasihat sahaja dan bukannya meliputi keseluruhan data bual bicara. Kajian oleh Arina Johari & Indrawati Zahid (2016b) turut menghuraikan strategi kesantunan dalam bual bicara radio. Ketiga-tiga kajian ini hanyalah menghuraikan aspek kesantunan Melayu yang berlaku dalam bual bicara radio berdasarkan konteks dialog sahaja tanpa mengaitkan dengan ambilan giliran yang berlaku dalam bual bicara radio. Tambahan lagi, dapatan hasil kajian terdahulu lebih menjurus pada bidang makna dan pragmatik secara khusus manakala kajian ini tertumpu pada bidang analisis perbualan yang lebih meliputi keseluruhan aspek perbualan. Kajian yang menggunakan sistem kesopanan juga kurang menjadi tumpuan para pengkaji tempatan malah pengaplikasian sistem kesopanan dalam bual bicara juga masih belum ditemui. Oleh hal yang demikian, objektif kedua kajian ini akan menjelaskan sistem kesopanan dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji. Hal ini selaras dengan kenyataan Indrawati Zahid & Nasihah Hashim (2018) bahawa aspek kesantunan belum dihuraikan dengan menyeluruh apatah lagi yang menghubungkan dengan kesantunan Melayu. Pada masa yang sama, kajian oleh Azwan (2018) yang mengaplikasikan Sistem Kesopanan Scollon, Scollon & Rodney (2012) hanya berfokus pada aspek penolakan dalam perbualan masyarakat.

Data kuantitatif menerusi kajian terkini oleh Jamiah Manap et al. (2019) bertujuan untuk menunjukkan peratusan pemilihan stesen radio dalam kalangan remaja. Azean Idruwani Idrus (2018) pula menerusi kajiannya telah mencadangkan supaya kajian bual bicara yang seterusnya memindahkan data pola perbualan ke dalam bentuk jadual dan carta yang menunjukkan bilangan dan peratusan ambilan giliran bertutur yang berlaku. Roswati Abdul Rashid et al. (2017a) juga ada memaparkan peratusan kekerapan tetapi berkaitan dengan elemen ketidaksantunan yang dilakukan oleh pemandu pelancong Malaysia. Kajian oleh Jamiah Manap et al. (2019) dan Roswati Abdul Rashid et al. (2017a) memaparkan data kuantitatif yang tidak merujuk pada pengambilan giliran bertutur dalam bual bicara, manakala cadangan pengkaji lepas Azean Idruwani Idrus (2018) dapat ditampung dengan keputusan kajian menerusi objektif yang ketiga. Pada masa yang sama, kajian terkini oleh Azean Idruwani Idrus, Ahmad Mahmood Musanif & Shahril Nizam Sha'ri (2019) menunjukkan pola

pengambilan giliran hanya dipaparkan dalam bentuk pola pasangan berdampingan dan berbeza dengan kajian ini yang akan menunjukkan pola giliran berturut yakni jumlah ambilan giliran yang dilakukan oleh setiap peserta perbualan yang terlibat. Justeru itu, objektif ketiga kajian ini ialah menganalisis pola pengambilan giliran berturut dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah giliran berturut yang terdapat dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji?
- ii. Apakah aspek pengambilan giliran dalam bual bicara radio mematuhi sistem kesopanan?
- iii. Apakah pola pengambilan giliran berturut yang terdapat dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji giliran berturut dalam bual bicara radio tempatan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. mengenal pasti giliran berturut dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji.
- ii. menjelaskan aspek pengambilan giliran berdasarkan sistem kesopanan dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji.
- iii. merumuskan pola pengambilan giliran berturut dalam bual bicara radio tempatan yang dikaji.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini giliran berturut dalam bual bicara radio ini mempunyai kepentingan kepada masyarakat, penyelidik, penerbit rancangan dan penyampai radio serta peserta perbualan dalam bual bicara.

1.6.1 Masyarakat

Giliran berturut dalam bual bicara radio merupakan kajian yang secara tidak langsung melibatkan masyarakat kerana peserta perbualan dan pendengar bual bicara terdiri dalam kalangan masyarakat secara umumnya. Masyarakat akan lebih memahami struktur ambilan giliran dalam bual bicara kerana kajian ini akan membincangkan satu persatu pengambilan giliran yang berlaku dalam bual bicara. Rohaidah Mashudi et al. (2017) menyatakan bahawa peraturan interaksi melibatkan peraturan percakapan (*rule of speaking*) yang meneliti cara penyampaian pemeran untuk suatu topik atau bentuk mesej berdasarkan latar dan aktiviti tertentu. Hasil

kajian ini akan membantu masyarakat untuk mengetahui secara khusus dari sudut wacana dalam analisis perbualan. Hal ini kerana, bual bicara radio yang merupakan satu saluran penyampaian maklumat yang paling hampir dengan masyarakat khalayak. Selain itu, golongan masyarakat khususnya remaja perlu didedahkan dengan saluran penyampaian maklumat yang bermanfaat agar generasi di masa akan datang lebih berkualiti dan mempunyai daya keintelektualan yang tinggi. Hal ini selaras dengan harapan Jamiah Manap et al. (2019) agar sebuah siaran radio yang berorientasikan ilmu dan dikendalikan secara profesional perlu diwujudkan untuk memenuhi keperluan intelektual remaja masa kini.

1.6.2 Penyelidik

Jamiah Manap et al. (2019) menyifatkan topik tentang radio jarang dibincangkan walaupun digunakan secara meluas malah radio juga seolah-olah menjadi media yang dilupakan. Oleh hal yang demikian, bagi penyelidik, kajian ini akan memberi nilai tambah bagi kajian-kajian sebelumnya yang menggunakan data bual bicara radio sebagai bahan kajian. Kajian ini menjelaskan pengambilan giliran secara menyeluruh beserta paparan data kuantitatif manakala aspek kesantunan turut dijelaskan berdasarkan bual bicara radio. Selain itu, penyelidik yang berminat untuk mengkaji tentang wacana lisan, analisis perbualan, giliran bertutur, bual bicara radio dan kesantunan dalam perbualan boleh menjadikan kajian ini sebagai bahan bacaan untuk penghasilan dapatan baharu.

1.6.3 Penerbit Rancangan dan Penyampai Radio

Kajian ini juga mampu dijadikan bahan rujukan bagi penerbit rancangan dan penyampai radio dalam mengendalikan segmen bual bicara. Hal ini kerana, kajian ini membincangkan aspek pengambilan giliran bertutur secara menyeluruh dan bukan sahaja menumpukan kepada peserta perbualan semata-mata. Kajian ini juga membantu penerbit rancangan dan penyampai radio lebih peka dan bersedia dengan pelbagai kemungkinan yang bakal berlaku semasa bual bicara. Selaras dengan kenyataan Dewi, Badrul & Chang (2018), untuk menjadi penyampai yang baik, perlu menjadi bijak melontarkan suara dengan jelas ketika bersiaran dan juga sentiasa bersedia dalam apa jua keadaan dalam menyampaikan sesuatu maklumat agar kandungan siaran yang disampaikan penyampai mudah diingati. Tambahan lagi, media penyiaran perlu mengubah suai format siaran interaktif dengan mengikut pada isu semasa sehingga perbincangan interaktif mendapat respon oleh pihak yang terlibat. Oleh hal yang demikian, kepentingan penerbit rancangan radio dan penyampai radio yang berpengetahuan amatlah penting bagi penghasilan sebuah segmen bual bicara yang baik dan pada masa yang sama masih mengekalkan elemen kesantunan dalam perbualan.

1.6.4 Peserta Perbualan

Kajian ini mempunyai kepentingan yang khusus kepada peserta perbualan. Hal ini kerana, sesiapa sahaja bakal menjadi tetamu bual bicara baik menerusi media massa

ataupun bual bicara secara tertutup. Hal ini kerana, Azean Idruwani Idrus, Ahmad Mahmood Musanif & Shahril Nizam Sha'ri (2019) berpendapat bahawa kajian turutan perbualan ini bukan sahaja memberikan pengetahuan dan penguasaan tentang cara tanya-jawab dalam perbualan tetapi juga menjadi tunjang atau asas dalam kelancaran sesebuah perbualan. Bual bicara secara spontan dan peserta perbualan juga perlu mahir dalam mengambil giliran agar tidak mengganggu perbualan yang mempunyai peruntukan masa tertentu. Oleh sebab itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan sebelum menghadiri sebarang bentuk bual bicara agar peranan sebagai peserta perbualan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pada masa yang sama, elemen kesantunan yang dijelaskan dalam kajian ini juga membantu agar peserta perbualan menghormati pihak yang dilawan bercakap.

1.7 Batasan Kajian

Kajian bual bicara radio ini memanfaatkan data bual bicara segmen *Usrah Nurani*, *Destinasi* terbitan Institut Kefahaman Malaysia, IKIMfm. Pemilihan radio IKIMfm berbanding siaran radio lain adalah kerana penyampai setiap segmen yang disiarkan menerusi IKIMfm mempunyai mesej tertentu selaras dengan slogan radio, iaitu *Inspirasi Inforia Islami*. Hal ini selaras dengan kenyataan Jamiah Manap et al. (2019) bahawa radio IKIMfm merupakan radio yang Islamik dan bermaklumat malah radio IKIMfm sebagai pilihan utama bagi pendengar yang majoritinya ingin mendapatkan informasi, motivasi dan ketenangan.

Pengunaan data bual bicara dalam radio sebagai bahan kajian telah mendapat izin pihak IKIMfm. Oleh kerana pengkaji berminat untuk menggunakan data bual bicara daripada radio maka pengkaji telah ke IKIMfm untuk memohon kebenaran bagi menggunakan data bual bicara segmen *Usrah Nurani* dalam kajian ini. Pihak IKIMfm memberi keizinan untuk memanfaatkan data bual bicara bagi tujuan penyempurnaan penulisan kajian ini sahaja dan tidak menyalurkan kepada mana-mana media dan individu lain. Data bual bicara yang diserahkan oleh pihak IKIMfm merupakan data bual bicara radio segmen *Usrah Nurani* pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, hanya terdapat dua belas rakaman segmen *Usrah Nurani* sepanjang tahun 2014 yang diserahkan kepada pengkaji kerana disebabkan oleh masalah-masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan.

Segmen bual bicara *Usrah Nurani* menerusi radio IKIMfm mula diperkenalkan pada tahun 2013, melibatkan ahli panel daripada penyampai radio, ustaz, felo penyelidik, artis, penulis buku dan ahli badan NGO. Bual bicara radio segmen *Usrah Nurani* disiarkan pada setiap hari Jumaat bermula pada jam lima, lima belas petang. Setiap slot bual bicara ini dibahagikan pada dua bahagian, berdurasi selama sembilan puluh minit, iaitu bermula pada jam 5.15 petang dan kemudiannya memberi laluan untuk berita IKIMfm pada jam 6.15 hingga 6.30 petang dan sambungan slot kedua pada jam 6.30 hingga 7.00 malam. Namun kadangkala terdapat juga bual bicara yang mempunyai satu sesi sahaja disebabkan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan oleh pihak penerbit apabila melibatkan hal peribadi peserta perbualan. Sebanyak enam slot bual bicara *Usrah Nurani* akan dipilih berdasarkan kriteria, iaitu ahli panel

terdiri daripada dua peserta lelaki dan dua peserta perempuan. Hal ini kerana, pengkaji ingin membincangkan perbezaan ambilan giliran bertutur yang dilakukan oleh peserta perbualan lelaki dan perempuan. Oleh hal yang demikian, kajian ini hanya akan membincangkan ambilan giliran bertutur dan sistem kesopanan dalam bual bicara radio. Tumpuan kajian ini hanya pada data perbualan yang telah transkripsikan mengikut simbol bersesuaian. Hasil dapatan kajian hanya akan dibuktikan dengan ujaran yang terdapat dalam enam slot bual bicara *Usrah Nurani* tanpa menyentuh faktor luaran yang tidak terkandung dalam transkripsi bual bicara radio.

1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah dalam kajian ini yang perlu diberikan definisi supaya pemahaman tentang makna dan penyampaian dalam analisis kajian ini lebih tepat dan difahami.

1.8.1 Giliran Bertutur

Giliran merupakan satu proses yang berganti-ganti mengikut aturan manakala bertutur pula mendukung makna yang sama dengan bercakap, berbicara atau berkata-kata. Apabila mengaitkan giliran dengan bertutur maka secara tidak langsung merujuk pada waktu tertentu bagi seseorang untuk mengujarkan sesuatu. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa hanya seorang peserta perbualan yang dibolehkan bercakap pada satu-satu masa. Selaras dengan pernyataan Nuri (2017) bahawa ambilan giliran merupakan bahagian di mana peserta perbualan bercakap dan melalui pengambilan giliran ini juga struktur sebuah perbualan dapat dikenal pasti. Giliran bertutur dalam perbualan merupakan proses pergantian penutur dalam kalangan peserta perbualan. Bergilir-gilir bercakap merupakan satu norma dalam perbualan yang akhirnya membentuk sebuah perbualan lengkap. Proses komunikatif yang sempurna merujuk pada ambilan giliran dalam perbualan yang mencerminkan norma interaksi seperti mana sistem sosial yang dilatari dengan budaya.

Sebagaimana dalam bual bicara radio, berlakunya pergantian peserta perbualan disebabkan oleh pertukaran pendapat dan perkongsian pengalaman di antara ahli panel. Indrawati Zahid (2018) berpendapat bahawa pendekatan analisis perbualan cenderung membincangkan tentang strategi ambil giliran, tindakan dan urutan organisasi interaksi dalam rancangan. Setiap data perbualan menunjukkan bahagian yang paling panjang adalah merupakan tanya-jawab dan dalam bahagian inilah paling ketara berlakunya ambilan giliran bertutur. Berdasarkan ambilan giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio, kajian ini akan menumpukan pada giliran bertutur dengan mengaplikasikan Teori Pengambilan Giliran Liddicoat (2011) yang dipatuhi oleh peserta perbualan. Secara ringkasnya, giliran bertutur bual bicara radio dalam kajian ini merujuk pada segmen bual bicara yang hanya melibatkan empat orang peserta perbualan, iaitu penyampai radio, tetamu tetap dan dua orang tetamu jemputan. Tanya-jawab yang berlaku dalam bual bicara radio yang

akan menjadi tumpuan kajian dan keputusan akan dibincangkan berdasarkan Teori Pengambilan Giliran dan Sistem Kesopanan.

1.8.2 Bual bicara radio

Arina Johari & Indrawati Zahid (2016b) menyatakan bahawa bual bicara radio sebagai perbahasan dan perdebatan dalam kasus bahasa yang bersifat bebas dan santai dan turut diperluas dalam peristiwa bahasa yang lebih teratur dan berstruktur. Bual bicara radio merangkumi kesemua aspek tersebut yang berlaku dalam kalangan peserta perbualan. Proses tersebut dikatakan sebagai suatu yang normal dalam sesebuah program bual bicara yang lengkap. Tambahan lagi, bual bicara segmen *Usrah Nurani* yang bersiaran hampir satu jam membolehkan kesemua aspek tersebut berlaku secara semula jadi.

Radio disifatkan sebagai medium sosial yang berfungsi sebagai penyampai (Beeferman, Brannon & Roy, 2019). Jamiah Manap et al. (2019) pula menyifatkan radio juga merupakan medium utama perhubungan, penyampaian maklumat dan hiburan. Kedua-dua pandangan ini memperkukuhkan lagi peranan radio semenjak dahulu sehingga kini sebagai medium penyampaian maklumat kepada masyarakat. Radio berperanan membantu penyampaian maklumat dengan lebih segera dan juga merupakan alat yang digunakan untuk menyebarkan ilmu dan mesej yang bermanfaat. Namun demikian, penyampaian bagi setiap stesen radio ini berbeza mengikut matlamat khusus setiap stesen radio.

Bual bicara radio dalam kajian ini merupakan satu slot yang disediakan oleh penerbit rancangan, dikendalikan oleh seorang pengacara radio dan disertai oleh dua orang tetamu jemputan. Secara kebiasaannya, peserta dalam bual bicara radio tidak melebihi lima orang kerana setiap program bual bicara ada had masa yang telah ditetapkan. Penyampaian dalam bentuk medium ini lebih terhad kerana pendengar khususnya dapat menikmati bual bicara radio melalui deria pendengaran berbanding bual bicara televisyen yang lebih jelas dari segi gerak badan, gerak mata, mimik muka dan paparan visual. Namun tidak dapat dinafikan bahawa radio juga merupakan sumber pemberi maklumat kepada masyarakat umumnya (Dewi, Badrul & Chang, 2018).

Penyampaian maklumat yang lebih ringkas dan padat menjadikan radio masih relevan sehingga ke hari ini. Perbincangan dalam bual bicara radio segmen *Usrah Nurani* yang berlaku dalam realiti masyarakat sebenar disiarkan untuk santapan deria dengar masyarakat yang membicarakan isu semasa dan topik yang berkait dengan soal keagamaan. Penglibatan beberapa ahli panel yang terdiri daripada pelbagai latar belakang menjadikan perbualan ini bercorak bebas dan santai kerana adanya dua sudut pandangan yang berbeza. Perbualan dalam bual bicara radio ini juga lebih mudah difahami kerana topik perbincangan sangat dekat dengan kehidupan seharian masyarakat.

1.9 Kesimpulan

Kajian analisis perbualan merupakan satu bidang kajian yang meluas dan mampu meneroka bahasa dengan masyarakat secara lebih dekat. Hal ini kerana, perbualan merupakan medium penyampaian maklumat yang sentiasa digunakan dalam kehidupan seharian. Huraian latar belakang kajian yang seterusnya membina objektif kajian berdasarkan pernyataan masalah yang timbul, kajian ini diharap dapat dimanfaatkan sebagai satu kepentingan perlu diambil kira oleh ahli bahasa khususnya. Objektif kajian akan dihuraikan satu persatu dalam dapatan kajian supaya satu penemuan baharu dalam kajian analisis perbualan khususnya bual bicara radio boleh diperkembangkan lagi di masa hadapan.



BIBLIOGRAFI

- Abd Ganing Laeng kang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim. (2019). Lakuan Bahasa Ekspresi Tun Dr.Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chedet.cc. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.4(5): 19-27.
- Agus Ganjar Runtiko Runtiko (2016). Analisis Percakapan Program Indonesia Lawyers Club Episode “Negara Paceklik, Perokok Dickeyk?”. *Jurnal Penelitian Komunikasi*, Vol.19(2): 137-150.
- Agus Susanto. (2017). *Takdir Allah Tak Pernah Salah*. Bandung: Penerbit Safina.
- Arina Johari dan Indirawati Zahid. (2015). Analisis Kesantunan Rancangan Bual Bicara: Aplikasi Teori Kesantunan Brown dan Levinson dan Prinsip Kerjasama Grice. *Prosiding SLIK Seminar Linguistik Kebangsaan*.
- Arina Johari dan Indirawati Zahid. (2016a). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.16(2): 73-94.
- Arina Johari dan Indirawati Zahid. (2016b). Aplikasi Strategi Kesantunan dalam Rancangan Bual Bicara Motivasi Diri Radio IKIMfm. *Jurnal Bahasa*, Jil.16(1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1997). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir: Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010a). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010b). *Wacana Temu Duga dan Wawancara: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Assimakopoulos, S. (2017). *Pragmatics at its Interfaces*. Berlin: CPI books GmbH.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ayasreh, A dan Razali, R. (2018). The Flouting of Grice's Conversational Maxim: Examples from Bashar Al-Assad's Interview during the Arab Spring. *Journal of Humanities and Social Science*, 23(5): 43-47.
- Azean Idruwani Idrus. (2018). *Susunan Turutan Interaksi dalam Program Pengacaraan Wanita Hari ini*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Azean Idruwani Idrus, Ahmad Mahmood Musanif dan Shahril Nizam Sha'ri. (2019). Turutan Ujaran Pasangan Berdampingan dalam Program Pengacaraan Wanita Hari Ini. *Jurnal Kesidang*, Vol.4: 120-139.
- Azianura Hani Shaari dan Shahrul Nazmi Sannusi. (2017). Power, Dominance and Homosocial Solidarity in Young Men's Cyber Talk. *Akademika*, 87(1): 327-342.
- Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun. (2019). Kata-kata Eksklusif Dialek Kelantan dalam Komunikasi Kumpulan WhatsApp. *Akdemika*, 89: 15-28.
- Azwan. (2018). Politeness Strategies of Refusals to Requests by Ambonese Community. *Lingua: Journal of Language, Literature and Teaching*, Vol.15(1): 1-6.
- Bashir Ibrahim. (2018). *Use of Conversational Silence by Malaysian Science and Non-Science Undergraduate Students in a Academic Discourse*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- B.Kahnweiler, J. (2018). *The Introvert Leader: Building On Your Quite Strength*. Berrett: Koehler Publishers.
- Bloch, S. dan Leydon, G. (2019). Conversation Analysis and Telephone Helplines for Health and Illness: A Narrative Review. *Research on Language and Social Interaction*, 52(3): 193-211.
- Beeferman, D., Brannon, W. dan Roy, D. (2019). RadioTalk: A Large- Scale Corpus Of Talk Radio Transcripts. *Lab for Social Machines, MIT Media Lab*.
- Brown, P. dan Levinson, S. (1987). *Politeness: Some Universal in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cameron, D. (2001). *Working with Spoken Discourse*. London: Sage.
- Chamalah, E. (2020). Analisis Kesantunan Berbahasa dalam Wacana SMS Pembaca di Surat Kabar Suara Merdeka dan Radar Tegal. *Majalah Ilmiah Sultan Agung*, 50(128): 33-53.
- Chomsky, N. (2016). Pandangan Baru dalam Kajian Bahasa. (Terjemahan oleh Zainab Ahmad). *Jurnal Bahasa*, 37-54. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Clift, R. (2016). *Conversation Analysis*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Davies, M. dan Jacobs, A. (1985). "Sandwiching" Complex Interpersonal Feedback. *Small Group Behavior*, Vol.16: 387-396.
- Dewi Anggrayni, Badrul Redzuan Abu Hassan dan Chang Peng Kee.(2018). Analisis Strategi Komunikasi Ahli Parlimen dalam Program Siaran Interaktif di Radio Republik Indonesia dan Radio Elshinta. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jil.34(3): 177-191.
- Elvi Syahrin, Tengku Silvana Sinar, Eddy Setia dan Nurlela. (2020). Polite Requests of Indonesian Learners of FLE and French Native Speakers: An Interlanguage Study. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal*, Vol.3(1): 216-226.
- Fadzilah Yusof, Faridah Ibrahim dan Wan Amizah WM. (2012). Agricultural Radio Talks And Drama: Malaysia Early Development Experience. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jil.28(1): 77-88
- Fahmi, R. (2016). An Analysis of Grice's Maxims Violation in Daily Conversation. *Journal of Languages and Language Teaching*, 4(2): 91-97.
- Farina, M. (2019). *Facebook and Conversation Analysis: The Structure and Organization of Comment Threads*. Bloomsburt.
- Fitri Amalia Shinta Siwi. (2015). *The Realization Of Turn Taking System In Lawan Bicara Debate A Metro Tv Program Broadcasted On 13th January 2014*. Tesis PhD. University Diponegoro.
- Fuzirah Hashim, Ahmad Aminuddin Soopar & Bahiyah Abdul Hamid. (2017). Linguistic Features of Malaysian Students' Online Communicative Language in an Academic Setting: The Case of Universiti Kebangsaan Malaysia. *Akademika*, Vol.87(1): 231-242.
- Gee, J. P. (2011). *An Introduction to Discourse Analysis Theory and Method Third Edition*. New York. Routledge.
- Grice, P. (1975). Logic and Conversation. *Syntax and Semantics*: Vol.3: 41-58.
- Habermas, J. (1962). *The Structural Transformation of The Public Sphere: An Inquiry Into A Category of Bourgeois Society*. London: Polity Press.
- Hasegawa, A. (2019). *The Social Lives of Study Abroad: Understanding Second Language Learners' Experiences Through Social Network Analysis and Conversation Analysis*. Routledge.
- Hara, K., Inoue, K., Takanashi, K. dan Kawahara, T. (2019). Turn-taking Prediction Based on Detection of Transition Relevance Place. *Interspeech*.

- Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif. (2014). Lakuan Pernyataan dalam Wacana Wawancara. *Journal Pertanika: Mahawangsa*, 1(1): 101-119.
- Haugh, M. dan Musgrave, S. (2019). Conversational lapses and laughter: Towards a combinatorial approach to building collections in conversation analysis. *Journal of Pragmatics*, 143: 279-291.
- Heri Mudra. (2018). Adjacency Pairs As Uttered In The Conversations Of Sofia Coppola's Lost In Translation Movie Script. *Humanos*, Jil.17(1): 121-137.
- Heritage, J. (1992). *Garfinkel and Ethnomethodology*. Cambridge: Polity Press.
- Hidayatul Mutmainnah dan Djoko Sutopo, D. (2016). Spoken Text Features of The Conversation in TV Talk Show of Talk Indonesia. *Language Circle: Journal of Language and Literature*, XI/I: 37-46.
- Hoey, E. M. (2020). *Conversation Lapses*. US: Oxford University Press.
- Holler, J., H.Kendrick, K., Castlas, M. dan Levinson. S. (2016). *Turn-Taking in Human Communicative Interaction*. Spain: Frontiers Media SA.
- Hutchby, I. (2017). Conversation analysis. *The Wiley-Blackwell Encyclopedia of Social Theory*, 1-9.
- Hymes, D. (1964). *Language in Culture and Society. A Reader in Linguistics and Anthropology*. New York: Haper & Row.
- Hymes, D. (1986). Models of the Interaction of Language and Social Life dalam Directions in *Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. New York: Basil Blackwell.
- Id Haruddin Hanif Abdullah. (2016). *The Study of Turn-Taking in Jane Eyre Movie 2011*. Tesis PhD. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Idris Aman dan Kamila Ghazali. (2016). *Praktis Analisis Wacana*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Indrawati Zahid. (2019). Melayu Dan Kritikan: Analisis Kesantunan Mentor 7. *Jurnal Melayu*, Bil.8(2): 131-146.
- Indirawati Zahid. (2019). Strategi Berekod Berterus-Terang Dalam Kritikan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jil.10: 24-35.
- Indrawati Zahid. (2018). Analisis Maksim Perbualan Grice dalam Soal Jawab TV3. *Language Studies*, Vol.7(2): 16-35.

- Indrawati Zahid dan Arina Johari. (2018). Kesantunan Melayu: Analisis Konteks Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.18(4): 168-185.
- Indrawati Zahid dan Nasihah Hashim. (2018). Strategi dan Struktur Kesantunan Melayu dalam Kritikan Mentor: Rancangan Realiti Televisyen. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.18(2): 134-153.
- Jamiah Manap, Salasiah Hanin Hamjah, Fazilah Idris dan Nurul Nabila Mohd Izani. (2019). Kerelevanan Siaran Radio Terhadap Remaja Generasi Z di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jil.35(2): 123-142.
- Jefferson, G. (2004). Glossary of Transcript Symbols with An Introduction in *Conversation Analysis: Studies From The First Generation*. Amsterdam: John Benjamins, 13-31.
- J.Jay, J dan Grant, G. (2017). *Breaking Through Gridlock: The Power of Conversation in a Polarized World*. Broadway. Berrett-Koehler Publisher, Inc.
- Johnstone, B. (2018). *Discourse Analysis*. United Kingdom: Wiley Blackwell.
- Juliana Abdul Wahab. (2011). Television Talk Shows and The Public Sphere. *Jurnal Komunikasi*, Jil.27(2): 29-45.
- Kalthum Ibrahim dan Nur Faezah Kamaruzaman. (2017). Kesantunan Bahasa dalam Rancangan Bual Bicara MeleTOP: Satu Kajian Sociolinguistik. *Jurnal Linguistik*, Vol.21(2): 60-68.
- Kaplan, A. (2016). *Women Talk More Than Men:....And Other Myths About Language Explained*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Lee Soo Yee. (2017). Discourse Strategies Used by Hosts of Malaysian Radio Talk Shows. *Jurnal Bahasa*.
- Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics*. London and New York: Longman.
- Levinson, S. C. (1983). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Liddicoat, J. (2007). *An Introduction To Conversation Analysis*. London: Continuum.
- Liddicoat, J. (2011). *An Introduction to Conversation Analysis*. London: Continuum International Publishing Group.
- Ludovino, E. (2017). *Emotional Intelligence for It Professionals: The Must-Have Guide For A Successful Career in IT*. Brimingham: Packt Publishing Ltd.

- Lynch, C. dan Kidd, J. (2016). *Early Communication Skills: 3rd Edition*. New York: Routledge.
- Machalla Megaiab, Dewa Putu Wijana dan Aris Munandar. (2019). Politeness Strategies of Request Used between Libyan Students and their Lecturers Using English as a Foreign Language. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation*, 2(4): 203-212.
- Maliheh Yazdfazeli, Khalil Motallebzadeh dan Mohammad Ali Fatemi. (2017). Explicit Back-Channel Strategy Training And Improvement Of Speaking Skill: Case Of Iranian Efl Learners. *Indonesian EFL Journal*, 1(1): 17-26.
- Maria Theresia Priyastuti. (2017). Interupsi pada Percakapan Proses Pembelajaran Bahasa Inggris di Stikes ST. Elisabeth Semarang. *Prosiding Seminar Nasional dan International, Universitas Muhammadiyah Semarang*.
- Mey, J.L. (1993). *Pragmatics an Introduction*. Oxford: Blackwell
- Motalebi, N., Cho, E., Sundar, S. S. dan Abdullah, S. (2019). Can Alexa be your Therapist? How Back-Channeling Transforms Smart-Speakers to be Active Listeners. *Conference Companion Publication: Computer Supported Cooperative Work and Social Computing*, 309-313.
- Msuya, E. A., dan Massanga, M. (2017). The Observance of Gricean Conversational Maxims by Tanzanian Politicians in T.V Hosted Interviews. *English Literature and Language Review*, 3(9): 82-90.
- Muela-Molina, C., Martin-Santana, J. D. dan Reinares-Lara, E. (2018). Journalists as Radio Advertising Endorsers in News or Talk Radio Station. *Journalism*. USA: University of Pennsylvania.
- Miao Li dan Francis Lap Fung Lee. (2013). Host Power and Triadic Conversation Management in Hong Kong Talk Radio. *Discourse & Communication*, 7(2): 153-171.
- Mohd Faizal Kamsani, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Rozita Abdullah, Nornajihan Jaafar dan Nor Zulaili Mohd Ghazali. (2019). Tindak Tutur Perbualan bersama Golongan Badwi dan Ansar: Analisa Strategi Komunikasi Rasulullah. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jil.35(3): 334-352.
- Muhammad Zuhair Zainal Al-Amin Mydin dan Ahmad Mahmood Musanif. (2018). Makna Penutur Bagi Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jil.34(2): 243-262.

- Nasimah Abdullah dan Lubna Abd. Rahman. (2019). Eufemisme dalam Wacana Terjemahan Makna Al-Quran ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, Vol.4(1): 39-56.
- Neti Sumiati Hasanadiata. (2014). Peran Pengelola Radio Komunitas Dalam Mengembangkan Siaran Kearifan Lokal. *Jurnal Penelitian Komunikasi*, Jil.17(2): 165-176.
- N. Lester, J. dan O'Reilly, M. (2018). *Applied Conversation Analysis*. SAGE Publication, Inc.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor, Eizah Mat Hussain dan Ahmad Ramizu Abdullah. (2019). Kesopanan dalam Komunikasi Menerusi Filem Animasi Kanak-Kanak Tempatan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4): 368-385.
- Noriati A. Rashid. (2007). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Normaliza Abd Rahim. (2019). *Kajian Wacana dan Strategi Komunikasi: Teori dan Aplikasi*. Kuala Nerus: Penerbit UMT.
- Normaliza Abd Rahim, Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor. (2014). Perbualan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu. *Journal of Business and Social Development*, 2(1): 49-56.
- Nor Sofiah Abu Bakar. (2009). *Perbualan ialah Satu Rentetan Peristiwa: Satu Kajian Kes*. 8 Mei 2014, <http://norsofiahabubakar09.blogspot.com/2009/12/perbualan-ialah-saturentetanperistiwa.html>
- Nur Adiba Hasan dan Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2017). Struktur Kata Terbitan dalam Dialek Terengganu. *Akademika*, Jil.87(1): 165-175.
- Norfarizah Mohd Bakhir dan Norzaini Zainal. (2015). *Penerokaan Teknologi melalui Seni dan Warisan dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nor Fazilah Noor Din dan Hishamudin Isam. (2019). Tema Perbualan Remaja Malaysia dalam Facebook. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jil.30: 137-166.
- Nuri Saraswati dan Waode Hamsia. (2017). A Study Of Turn Taking Used In Radio Talk Show Under The Topic "Gender Equality And Women's Empowerment". *TELL Journal*, 60-70.
- Rahmawati, J. (2020). Kesantunan Direktif Guru Dalam Interaksi Akademis Formal Di Smp Islam Terpadu At-Taqwa Surabaya. *Bapala*, 6(1).
- Rauf, A. (2017). Analisis Wacana Percakapan Mata Najwa Metro TV. *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi*, 4(6).

- Rendra Novian Rizan Jaya. (2017). Interruption In Lumet's 12 Angry Men Movie: A Conversation Analysis. *Sastra Inggris-Quill*, 6(2): 202-214.
- Renkema, J. (2004). *Introduction to Discourse Studies*. Amsterdam/Phidelpia : John Benjamins Publishing Company.
- Ridwan Lubis. (2017). *Agama Dan Perdamaian: Landasan, Tujuan, Dan Realitas Kehidupan*. Jakarta: PT Gramedia.
- Rohaidah Harun. (2018). *Wacana Lisan Perspektif Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz dan Hasnah Mohammad. (2013). Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.13(3): 163-178.
- Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Siti Rasyidah Sanudin, Sarinah Suliman dan Ahmad Mahmood Musanif. (2017). Peraturan Interaksi Peristiwa Komunikatif Wawancara dalam Akhbar. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.17(3): 70-85.
- Roslina Mamat. (2004). *Analisis Perbualan Penutur Asli Bahasa Jepun: Satu Kajian Pengambilan Giliran dan Aizuchi*. Tesis Ph.D Universiti Malaya.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim dan Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia dan Pelancong Jepun. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.12(3): 849-863.
- Rostikawati, Y., Aeni, E. S., dan Wuryani, W. (2020). Peran Guru Dalam Membentuk Karakter Siswa Melalui Pembelajaran Kesantunan Berbahasa Di Media Sosial. *Abdimas Siliwangi*, 3(1): 112-120.
- Roswati Abdul Rashid, Isma Rosila Ismail, Radhiah Ismail dan Roslina Mamat. (2017a). Ketidaksantunan dalam Perbualan Bahasa Jepun oleh Pemandu Pelancong Malaysia. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.17(3): 86-105.
- Roswati Abdul Rashid, Radhiah Ismail, Noor Asliza Abdul Rahim dan Roslina Mamat. (2017b). Humor dan Komunikasi dalam Industri Pelancongan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jil.33(1): 184-198.
- Rozita Che Omar dan Jagdish Kaur. (2017). Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Rutin Perundingan Makna. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.17(1): 203-222.
- Sacks, H., Schegloff, E. A. dan Jefferson, G. (1974). A simplest Systematics for the Organization of Turn Taking in Conversation. *Language*, 50(4): 696-735.

- Santos, M. (2015). *An Introvert in an Extrovert World: Essays On The Quiet Ones*. United Kingdom: Cambridge Scholars Publishing.
- Schiffrin, D. dan Hamilton, H. E. (2001). *Handbook of Discourse Analysis*. Oxford: Blackwell.
- Schnackenberg, H.L dan Simard, D.A. (2018). *Challenges and Opportunities for Women in Higher Education Leadership*. US: IG Global.
- Scollon, R., Scollon, S.W. dan Rodney, H. Jones. (2012). *Intercultural Communication: A Discourse Approach*. United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Siegel, M. (2016). *AIRING THE WAVE: Talk Radio At The Dawn of The Digital Era*. New York: Page Publishing, INC.
- Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan dan Suhaila Zailani @ Ahmad. (2019). Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam. *ISMIYYAT: The International Journal of Islamic Studies*, 41(1):117-124.
- Smith, B. (2003). The Use of Communication Strategies in Computer-mediated Communication. *System*, 31: 29-53.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Tudini, V. dan Liddicoat, J. (2017). Computer Mediated Communication and Conversation Analysis. Language, Education and Technology. *Encyclopedia of Language and Education*, 415-426.
- Turkle, S. (2016). *Reclaiming Conversation: The Power Of Talk In Digital Age*. New York: Penguin Books.
- Van Dijk dan Teun A. (2009). *Society and Discourse: How Social Contexts Influence Text and Talk*. New York. Cambridge University Press.
- Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan dan Suhaila Zailani @ Ahmad. (2019). Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*, Vol.41(1): 117-124.
- Wan Robiah Hj. Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab.(2018). Kesantunan Berbahasa Kaunselor Pelatih dalam Sesi Kaunseling. *Gema Oline® Journal of Language Studies*, Vol.18(1): 252-269.
- Winda Ayu Cahya Fitriani. (2019). Analisis Tindak Tutur Dalam Wacana Iklan Radio. *Lingua Rima: Jurnal Pendidikan Program Studi Bahasa dan Sastra Indonesia*, Vol.8(1).

Yogeeta a/p Yogabalan. (2012). *Perbezaan Maklum Balas Minimum dan Kekerapan Pengambilan Giliran di antara Gender dalam Interaksi Bilik Darjah*. Tesis Sarjana Universiti Malaya.

Zhao, Y. dan Angelova, M. (2010). Negotiation of Meaning between Non-Native Speakers in Text-Based Chat and Video Conferencing. *Education Review*, 7(5): 66-67.

<http://ikimfm.my/tentang-kami/> (9.12pagi/rabu/15 november 2017)

